

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Risalah Keterangan Produk ini sebelum anda mengambil keputusan untuk memohon Kad Perniagaan PB Visa ini. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.

Public Bank Berhad

- Kad Perniagaan PB Visa
- 11 March 2019

1. Apakah produk ini?

Produk ini ialah Kad Perniagaan PB Visa, dengan kemudahan kredit diberikan oleh Public Bank Berhad kepada Syarikat dan sekiranya apa-apa jumlah kredit yang telah digunakan oleh Syarikat belum dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum suatu tarikh yang ditetapkan, jumlah yang belum dijelaskan akan tertakluk kepada caj kewangan dan caj lewat bayar.

2. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini?

(i) Insurans Perjalanan Secara Automatik

Insurans Perjalanan PERCUMA Automatik sehingga RM1 juta apabila urusan perjalanan sepenuhnya dicajkan kepada Kad anda. Anda juga boleh membuat tuntutan bagi kesulitan yang anda alami disebabkan Kelewatan Bagasi, Kehilangan Bagasi, Kelewatan Penerbangan, Terlepas Penerbangan Sambungan, Pembatalan Lawatan dan Perbelanjaan Penghantaran Balik.

Jenis Kad	Perlindungan Insurans Perjalanan secara Automatik (RM)
Kad Perniagaan PB Visa	Sehingga RM1,000,000 setahun

(ii) Insurans Pengecualian Liabiliti Korporat

(Diterima pakai bagi Syarikat Sendirian Berhad dan Syarikat Tersenarai sahaja)

Perlindungan Insurans Pengecualian Liabiliti Korporat sehingga Dolar AS25,000 bagi setiap ahli kad setahun tertakluk kepada Dolar AS1.65 juta bagi setiap Syarikat setahun. Ia melindungi kerugian yang layak yang mungkin ditanggung sekiranya kad disalahgunakan.

(iii) Rebat Tunai

Pulangan tunai sebanyak 0.50% atas semua perbelanjaan.

(iv) Had Kredit

Sekiranya Syarikat memiliki satu atau lebih kad dengan Bank, satu jumlah Kemudahan Kredit Bergabung akan diberikan bagi meliputi penggunaan semua kad yang dipegang oleh Syarikat.

3. Apakah obligasi saya?

(i) Pembayaran Balik Bulanan

5% daripada baki belum jelas pada tarikh penyata atau minimum RM50, yang mana lebih tinggi.

(ii) Tempoh Bebas Faedah Dari Pembelian Runcit

Tempoh Tanpa Faedah selama 20 hari atas semua urus niaga runcit, dengan syarat semua baki yang tertunggak pada bulan sebelumnya, mengikut penyata bulanan, dilunaskan sepenuhnya pada tarikh cukup tempoh. Tempoh tanpa faedah tidak diterima pakai bagi urus niaga bukan runcit.

Nota: Urus niaga runcit tidak termasuk Pendahuluan Tunai

(iii) Caj Kewangan

Caj Kewangan	Pembelian Runcit*	15% setahun	Dengan pembayaran segera bagi 12 bulan berturut-turut
		17% setahun	Membuat 10/11 kali pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan lalu
		18% setahun	Membuat 9 atau kurang pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan lalu
	Pendahuluan Tunai	18% setahun	Pendahuluan Tunai Caj Kewangan

*Nota: *Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah bagi pembelian runcit, anda perlu membuat sekurang-kurangnya 10 pembayaran segera dalam tempoh 12 bulan lalu. Caj kewangan bertingkat hanya diterima pakai bagi baki tertunggak berikutan daripada pembelian runcit.*

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

(i) Fi Tahunan

Pengecualian fi tahunan sepenuhnya pada tahun pertama.

Jenis Kad	Fi Tahunan
Kad Perniagaan PB Visa	RM150-00

Fi Tahunan di atas boleh dikecualikan dengan minimum 12 kali laluan bagi setiap kad / setahun.

(ii) Cukai Perkhidmatan Kad Kredit

Bermula pada 1 September 2018, cukai perkhidmatan akan dikenakan bagi kad kredit seperti yang berikut:

- RM 25 setahun bagi setiap kad

Cukai perkhidmatan akan dipungut pada tarikh kad itu diaktifkan, apabila berakhirnya setiap tahun atau pada tarikh kad diperbaharui. Ini bermakna bahawa cukai perkhidmatan di atas akan dikenakan kepada kad kredit baharu yang dikeluarkan mulai 1 September 2018. Bagi kad kredit sedia ada yang dikeluarkan sebelum 1 September 2018, cukai perkhidmatan akan dikenakan genap setahun kad dikeluarkan.

(iii) Fi Pendahuluan Kad

Fi Pendahuluan Tunai (fi sekali sahaja) √ Cawangan / ATM √ Public Bank Gabungan Bank dan Institusi Kewangan Di seluruh dunia	5% daripada jumlah yang dikeluarkan atau RM20-00, mana yang lebih tinggi
Caj Kewangan untuk Pendahuluan Tunai	18% setahun, caj kewangan akan dikira atas setiap pendahuluan tunai yang dikira dari tarikh wang tunai diambil sehingga tarikh pembayaran penuh

(iv) Fi Melebihi Had

Tidak berkenaan

(v) Fi Pertukaran Urus Niaga Luar Negeri

Urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukarkan kepada Ringgit Malaysia menggunakan Dolar AS sebagai mata wang asas pada tarikh ia diterima dan/atau diproses pada kadar pertukaran yang akan ditentukan oleh Visa Worldwide mengikut budi bicara mutlaknya. Selain itu, anda juga perlu membayar spread pertukaran asing sebanyak 1.25% daripada amaun Ringgit Malaysia yang ditukarkan itu bagi pertukaran yang dibuat dalam mata wang asing. Pertukaran wang itu mungkin berbeza dari kadar yang sebenarnya pada tarikh urus niaga disebabkan turun-naik pasaran. Kadar yang dikenakan itu adalah muktamad dan konklusif dan Syarikat perlu menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj-caj bank yang lain yang mungkin perlu dibayar.

(vi) Fi untuk Salinan Draf Jualan Asal - RM15-00 bagi setiap permintaan

(vii) Penalti bagi Menggantikan Kad yang Hilang atau Dicuri

Kad Pertama: RM50-00

Kad Kedua: RM100-00

Kad Ketiga: RM150-00

5. Apakah yang akan berlaku sekiranya saya gagal memenuhi obligasi saya?

(i) Caj Pembayaran Lewat

Kegagalan untuk membuat Pembayaran Minimum pada Tarikh Perlu Dibayar, caj minimum sebanyak RM10 atau 1% daripada jumlah baki tertunggak pada tarikh penyata akan dikenakan seterusnya, mana yang lebih tinggi, dihadkan pada maksimum sebanyak RM100, hendaklah didebitkan ke dalam Akaun Kad Perniagaan.

(ii) Hak Untuk Menolak Selesai

Public Bank Berhad mempunyai hak untuk menolak semua / sebarang akaun anda yang dikendalikan oleh Public Bank dan / atau subsidiari terhadap baki tertunggak dalam akaun kad kredit ini dengan tujuh (7) hari kalendar notis terlebih dahulu.

(iii) Liabiliti Untuk Urus Niaga Tanpa Kebenaran

Sekiranya kad hilang/dicuri atau digunakan tanpa kebenaran, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua transaksi sekiranya anda melakukan penipuan, melewati-lewatkan untuk memaklumkan kepada Bank dalam tempoh masa yang semunasabah yang mungkin selepas mengetahui mengenai kehilangan/ kecurian atau penggunaan kad tanpa kebenaran itu, mendedahkan PIN kepada orang lain secara sukarela, menulis PIN pada kad atau pada apa-apa sahaja yang amat dekat dengan kad yang boleh hilang bersama-sama dengan kad atau meninggalkan kad, atau barang yang didalamnya mengandungi kad tersebut, tidak mengawasi dan/atau sengaja membenarkan orang lain menggunakan kad tersebut. Jika siasatan mendapati bahawa anda terbabit dalam menyebabkan pengenaan caj tanpa kebenaran, anda akan dipertanggungjawabkan bagi semua caj tanpa kebenaran, termasuk caj kewangan, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan tersebut. Dengan ini adalah dipersetujui bahawa Bank tidak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Had Kredit tidak melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Bank.

6. Apakah risiko utama?

Anda perlu memberitahu Public Bank dengan serta-merta apabila mendapati Kad Perniagaan anda telah hilang/dicuri. Untuk kehilangan/kecurian kad, sila hubungi 03-2176 8555.

Caj kewangan dan caj lewat bayar akan dikenakan ke atas baki belum dijelaskan bagi kad perniagaan ini. Sekiranya anda mempunyai masalah membayar baki-baki kad anda, sila hubungi Public Bank dengan segera untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran balik.

7. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting bagi anda untuk menghubungi kami mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Anda boleh menghubungi Public Bank di:

**Kad Komersial
Perkhidmatan Kad PB
Tingkat 10, Menara Public Bank
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: 603-2176 8066
Faks: 603-2164 7960
E-mel: commprd@publicbank.com.my**

8. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut?

Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan, sila hubungi Public Bank di :

**Kad Komersial
Perkhidmatan Kad PB
Tingkat 10, Menara Public Bank
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: 603-2176 8066
Faks: 603-2164 7960
E-mel: commprd@publicbank.com.my
Laman web: www.pbebank.com**

Sekiranya pertanyaan atau aduan anda, tidak diselesaikan dengan memuaskan, sila hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

**Blok D, Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 1-300-88-5465
Faks : 03-2174 1515
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my**

9. Apakah dokumen yang diperlukan untuk dikemukakan?

Untuk pemrosesan, sila ingat untuk mengepilkan:

Bagi Empunya Tunggal Dan Perkongsian

- Kad Pengenalan / Pasport (dengan permit kerja yang sah)
- Borang Pendaftaran Perniagaan (SSM, Borang D)
- Penyata Untung Rugi dan Kunci Kira-kira 2 tahun yang lepas
- Borang B (Keempunyaan Tunggal) / Borang P (Perkongsian) dengan Resit Cukai

Bagi Syarikat Swasta Terhad Dan Tersenarai **

- Sijil-sijil Pendaftaran Perniagaan
 - Memorandum atau Perkara-Perkara Persatuan
 - Borang 9 atau Seksyen 17
 - Borang 24 dan 49 atau Seksyen 14, 58 dan 236(2)
- Penyata Kewangan Beraudit (2 Tahun Terakhir)
- Kad Pengenalan / Pasport (dengan permit kerja yang sah) semua Pengarah mengikut Borang 49 atau Seksyen 58

** Kelayakan:

- i) Minimum 2 tahun dalam Mengendalikan Perniagaan
- ii) Modal Berbayar Minimum sebanyak RM100,000

NOTA PENTING : TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAAN BALIK BAGI BAKI KAD ANDA.

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 11 March 2019.